

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN HJ. MOHAMAD  
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**BERSEMPENA DENGAN**

**PROGRAM JELAJAH RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) & KEMPEN  
1RAS 1POKOK DI BAWAH PROGRAM KOMUNITI PENCEGAHAN  
DAN PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT SEMPENA  
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA TAHUN 2022  
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**TARIKH:**

**08 OKTOBER 2022 (AHAD)**

**TEMPAT:**

**RUMAH AGING LONG DA'AH, BELAGA**

## **Salutation**

Terima kasih diucapkan kepada pengacara majlis.

- 1) Yang Berusaha Puan Bidah Lujah  
Pegawai Daerah Belaga
- 2) Yang Berusaha Tuai Rumah Lesley Luyoh Akah  
Maren Uma Bagi Rumah Aging Long Da'ah, Belaga
- 3) Yang Berusaha Encik Jonny Wong Kwei Ji  
Pengurus Stesen Bakun HEP
- 4) Yang Berusaha Encik Regerd Godomon  
Pengurus Kilang Kelapa Sawit Belaga
- 5) Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta wakil
- 6) Pegawai Kanan dan para pegawai dari Sarawak Energy Berhad  
dan Kilang Kelapa Sawit Belaga
- 7) Temenggung Ajang Sirek, Pemancar Unak Akah dan ketua-ketua  
kaum
- 8) Ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan (JKKK) Rumah  
Aging
- 9) Tuai Rumah-Tuai Rumah Dari Kawasan Berhampiran
- 10) Para Penduduk Rumah Aging Long Daah Dan Para Penduduk  
Rumah Panjang Berhampiran
- 11) Pengamal Media
- 12) Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat mengadakan Program Jelajah Rakan Alam Sekitar (RAS) & Kempen 1RAS 1Pokok di Bawah Program Komuniti Pencegahan Dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak pada hari ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada JKKK Rumah Aging Long Da'ah, Belaga dan semua penduduk di Rumah Nanga San dan rumah-rumah panjang berhampiran di atas kehadiran dan sokongan yang jitu di dalam menjayakan Program Jelajah Rakan Alam Sekitar pada hari ini.

Hadirin sekalian,

### **Program Jelajah Rakan Alam Sekitar (RAS)**

3. Program Jelajah Rakan Alam Sekitar (RAS) bertujuan membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Negeri Sarawak. Rakan Alam Sekitar melibatkan anggota masyarakat secara `hands-on' iaitu menjadi `mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

### **Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut**

4. Melalui Program Komuniti Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut ini juga, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak ingin memberikan pendedahan kepada komuniti berkaitan larangan pembakaran terbuka serta pelaksanaan SOP dan fasiliti tanah gambut dan pemantauan kebakaran di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan kawasan lain yang berisiko terbakar semasa musim panas dan kering. Pembakaran terbuka boleh menyebabkan kemusnahan hutan, kemusnahan habitat haiwan, menjejaskan kesihatan dan seterusnya boleh menyebabkan jerebu dan pemanasan global. Sekiranya pembakaran terbuka dan jerebu berlaku semasa pandemik. Oleh itu, masyarakat perlu bertindak sebagai penyalur informasi serta bersama-sama menjayakan program yang dijalankan demi kebaikan semua lapisan masyarakat.

Hadirin sekalian,

### **PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA**

5. Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara di bawah RMK-12 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ke-8 semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-77 pada 8 September 2020. Pelancaran kempen ini telah dilancarkan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021 yang telah mensasarkan penanaman 100 juta pokok dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025.

6. Bagi menyahut kempen ini, maka Kempen 1RAS 1Pokok telah diadakan bagi merealisasikan program penanaman pokok di Sarawak. Kempen ini dijadikan sebagai “signature event” kepada Hari Bumi 2022 Peringkat Negeri Sarawak. Kejayaan kempen ini tidak hanya bergantung

kepada pembabitan Rakan Alam Sekitar (RAS) selaku kumpulan teras pelaksanaan kempen penanaman pokok, tetapi penglibatan Rakan Strategik amatlah penting bagi pengkongsian idea dan sumber bagi menzahirkan program dan seterusnya mencapai matlamat yang telah disasarkan di dalam kempen ini.

## **KERJASAMA SETIAP AGENSI DI DALAM PEMULIHARAAN DAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**

7. Justeru, dalam mendepani cabaran dan merungkai masalah pencemaran alam sekitar yang silih berganti, sinergi antara agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri harus terus digembleng melalui aktiviti penguatkuasaan yang menyeluruh dan mengekalkan momentum yang sedia ada. Hari ini adalah harinya untuk bertindak bukan saja kerana kita peduli kepada alam sekitar tetapi juga kerana kita semua tinggal di dalamnya. Setiap di antara kita perlukan bumi yang sihat untuk menyokong pekerjaan, sumber pendapatan, kesihatan dan kelangsungan hidup serta kebahagiaan kita. Planet sihat bukan pilihan, tetapi suatu keperluan.

Hadirin sekalian

## **PENUTUP**

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Sarawak Energy Berhad (SEB) serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan ini termasuk rakan-rakan media, rakan-rakan strategik dan komuniti setempat. Akhir kalam, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Kempen 1RAS 1Pokok dan Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Sempena Sambutan Hari Bumi 2022 Peringkat Negeri Sarawak.

Sekian, Terima kasih.